

J m V -
4.
· · · · ·
0113

ia£ PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian
Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

HARI ISNIN: 28 JUN 2010

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 4,11 HINGGA 61)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 2, 3, 5 HINGGA 10

[RUJUK PENYATA RASMI HARLAN (HANSARD)]

NO. SOALAN : 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A TUAN TAN TEE BENG

TARIKH 28 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN

TUAN TAN TEE BENG [NIBONG TEBAL] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa yang dimaksudkan dengan keberkesanan Maritim di Wilayah Utara. Berapa banyak bot laju dan jumlah pegawai yang bekerja di sana dan berapa pantas mereka akan bertindak untuk membantu nelayan yang memerlukan bantuan.

JAWAPAN **Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Wilayah Maritim Utara merangkumi perairan dari Sabak Bernam, Selangor hingga ke garis sempadan Malaysia - Thailand di Langkawi yang seluas 24,996.7 batu nautika persegi. Kawasan perairan ini amat strategik kerana ianya bersempadankan 3 negara iaitu Malaysia - Indonesia - Thailand dan ianya juga merupakan laluan pintu masuk dan keluar Selat Melaka. Memandangkan kawasan ini luas maka ianya telah dibahagikan kepada 3 kawasan merangkumi Daerah Maritim 1, 2 dan 3. Pejabat Pentadbiran Wilayah Maritim Utara sebagai pusat pentadbiran bagi wilayah utara terletak di Langkawi. Daerah Maritim 1 juga beroperasi di Langkawi, Daerah Maritim 2 beroperasi di Pulau Pinang dan Daerah Maritim 3 beroperasi di Lumut.

Operasi lebih kecil iaitu disebut Pangkalan Maritim pula ada di Kuala Perlis, Kuala Kedah dan Kuala Kurau. Aset-aset di daerah dan pangkalan berkenaan dapat memudah dan mempercepatkan aturgerak vesel dan

pesawat Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di mana-mana lokasi dalam kawasan ini apabila diperlukan.

Piagam Pelanggan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia menetapkan bot perlu bertindak dalam masa tidak lebih daripada 30 minit setelah maklumat diterima dan bagi kapal tidak lebih daripada 2 jam. Seramai 542 anggota ditempatkan di wilayah ini bersama 7 buah kapal, 16 buah bot laju dan 3 buah bot biasa. Pesawat juga ditugaskan untuk membuat rondaan udara di wilayah ini.

Aset-aset Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia sentiasa berada di kawasan ini samada melaksanakan rondaan harian ataupun operasi khas. Semuanya sentiasa berada dalam keadaan siap sedia untuk menangani apa juga keperluan sepanjang masa, untuk memberikan bantuan samada kepada nelayan, kapal dagang, perahu / kapal layar ataupun pesawat demi menjaga keselamatan perairan negara.

Contoh kejayaan APMM Wilayah Utara seperti statistik tahun 2009 menunjukkan pemeriksaan vesel yang telah dilakukan sebanyak 2708 kali dengan kesalahan 194 pelbagai kes. Sementara itu terdapat 22 kes mencari dan menyelamat (SAR) dengan 74 orang telah diselamatkan pada tahun 2009.

Sekian, terima kasih.

No: 11

PERTANYAAN **Bagi Jawap Lisan**

DARIPADA : **Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang]**

TARIKH **28 JUN 2010**

SOALAN **11**

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta MENTERI PENGANGKUTAN memberitahukan perihal sebab landasan keretapi berkembar ke Selatan dimulakan dan adakah lintasan keretapi di Kampung Paya Pulai dan Bukit Siput, Segamat yang terletak dalam kawasan Parlimen Sekijang akan dibina 'fly over' bagi kemudahan lalu lintas.

JAWAPAN

TUAN YANG DIPERTUA,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas - Johor Bahru masih dalam perancangan dan pada masa ini urusan perlantikan kontraktor dan perunding sedang dijalankan.
- (b) Mengenai pembinaan *flyover* di Kampung Paya Pulai dan Bukit Siput, Segamat, adalah menjadi amalan Kementerian ini untuk merujuk kepada Kerajaan Negeri sebelum memutuskan pembinaan lintasan awam di jajaran keretapi. Secara umumnya, lintasan baru seperti jejambat dan jambatan akan dibina di lokasi lintasan sah sedia ada, dan tidak bagi lintasan haram.

**PERTANYAAN DEWAN RA KYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN
KEDUABELAS, TAHUN 2010 (7 JUN HINGGA
13 JULAI 2010)**

PERTANYAAN	SOALAN
DARIPADA	LISAN
	YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA)
TARIKH	28 JUN 2010 12

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan apakah punca yang menyebabkan MRSM Bentong tidak selamat digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Bentong tidak selamat digunakan sekarang kerana kejadian tanah runtuh yang berlaku pada 6 Disember 2009. Susulan kepada kejadian tersebut, MARA telah melantik Institut Kerja Raya Awam (IKRAM) untuk membuat kajian keselamatan cerun.

Mengikut *Factor of Safety (FOS)* dengan izin yang ditetapkan oleh Geotechnical Control Office, Hong Kong (1984), kadar kecerunan yang selamat mestilah berada pada paras piawaian 1.4 dan ke atas. Walau bagaimanapun, siasatan IKRAM mendapati bahawa FOS bagi kawasan cerun yang terlibat di MRSM Bentong hanya 1.2. Ini bererti cerun di kawasan tersebut adalah kurang selamat.

Sebenarnya mengikut laporan Penyiasatan Tanah (Soil Investigation - SI) sebelum pembinaan dimulakan adalah didapati kawasan kampus secara

umumnya adalah selamat. Tetapi atas faktor masa, cuaca, dan pergerakan tanah menyebabkan kejadian tersebut berlaku.

Tuan Yang di-Pertua,

MARA telah mengambil langkah keselamatan dengan memindahkan warga MRSM Bentong ke MRSM Tun Abdul Razak Pekan, Pahang pada 1 Mei 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARI PAD A

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD

[PARIT SULONG]

TARIKH

28 JUN 2010

SOALAN

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan jumlah 'kawasan hitam' dan kerap berlaku kemalangan mengikut negeri. Berapakah peruntukan dalam RMK10 yang diperuntukkan untuk membina bahu jalan laluan motosikal dan sebagainya bagi memastikan kemalangan jalan raya di kawasan ini berkurangan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya peka terhadap isu keselamatan jalanraya dan sentiasa berusaha bagi memastikan jalanraya adalah selamat dan selesa untuk penguna.

Pihak Kementerian telah mengenalpasti lokasi kerap berlaku kemalangan (*black spot*) di Jalan Persekutuan dan Lebuhraya dengan menggunakan kaedah penilaian mata pemberat. Data terkini bagi tahun 2009 menunjukkan sebanyak 169 lokasi di Jalan Persekutuan di seluruh negara telah dikenalpasti sebagai lokasi kerap berlaku kemalangan. Pecahan lokasi kerap kemalangan di Jalan Persekutuan bagi setiap negeri adalah seperti jadual di bawah:

Negeri	Jumlah Lokasi Kerap Kemalangan
Johor	33
Kedah	12
Kelantan	20
Melaka	7
Negeri Sembilan	35
Pahang	17
Perak	18
Perlis	5
Pulau Pinang	6
Negeri	Jumlah Lokasi Kerap Kemalangan
Selangor	14
Terengganu	2
JUMLAH	169

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kementerian berhasrat untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan Jalan-Jalan Persekutuan dengan merancang program-program keselamatan seperti rawatan kawasan kerap berlaku kemalangan (*blackspot*), pembinaan lorong motosikal dan pelbagai lagi fasiliti keselamatan jalan seperti jejantas pejalan kaki, memperelokkan persimpangan dan lorong memotong. Jumlah keseluruhan peruntukan bagi program keselamatan yang dipohon adalah sebanyak RM503 juta dengan peruntukan dipohon untuk rawatan lokasi *blackspot* sebanyak RM98.6 juta di Jalan Persekutuan manakala RM100 juta lagi bagi rawatan lokasi

blackspot di Jalan Negeri dan Bandaran. Kesemua program tersebut dapat membantu dalam pengurangan kadar kemalangan jalan raya. Walau bagaimanapun pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

No: 14

DARI PAD A	PEMBE RITAHU PERTAN YAWAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)
PERTANYAAN	DEWAN RASAH
TARIKH	,
SOALAN NO	MAY 2010 SIA 14

Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada benar bahawa wang kertas RM50 yang baru sukar dikesan dalam mesin deposit tunai di bank perdagangan dan apakah perlindungan kepada orang ramai apabila deposit mereka tersekat dalam mesin dan gagal dikesan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum memperkenalkan wang kertas RM50 baru secara meluas ke dalam pasaran, Bank Negara Malaysia telah bekerjasama dengan bank-bank perdagangan, operator dan vendor mesin deposit tunai untuk tujuan pengubahsuaian dan kalibrasi mesin bagi memastikan wang kertas RM50 baru diterima untuk sebarang urusan transaksi mesin apabila ia mula diedarkan. Bank-bank perdagangan telah dibekalkan dengan sampel wang kertas RM50 baru yang mencukupi bagi memastikan proses kalibrasi mesin berjalan lancar.

2. Bank Negara Malaysia telah memastikan semua mesin-mesin deposit tunai milik bank-bank perdagangan telah selesai dikalibrasi di seluruh negara. Orang ramai yang menghadapi masalah deposit tersekat di dalam mesin deposit tunai hendaklah mengemukakan aduan kepada bank yang terbabit dengan kadar

segera. Aduan tersebut haruslah mengandungi butiran lengkap seperti jumlah nilai wang kertas yang disyaki tersekat, masa, tarikh dan tempat kejadian, nombor ID mesin serta salinan resit pengesahan yang dikeluarkan oleh mesin deposit tunai terbabit.

3. Secara amnya, bank-bank perdagangan telah menggunakan prosedur yang ketat bagi mengesan dan menyimpan wang deposit yang tersekat dalam mesin deposit tunai. Sekiranya orang ramai tidak berpuas hati dengan tindakan yang diambil oleh bank perdagangan yang berkenaan, mereka bolehlah mengemukakan aduan kepada Unit Pengurusan Aduan dan Nasihat, di Bank Negara Malaysia. Bank Negara Malaysia akan sentiasa memastikan aduan yang diterima diberi tindakan sewajarnya oleh pihak bank perdagangan yang berkenaan.

SO ALAN 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

**DARI PADA Y.B. PUAN HAJAH ZU RAIDAH BINTI
KAMARUDDIN [AMPANG]**

TARIKH 28 JUN 2010

**SOALAN MEMINTA MENTERI
PELANCONGAN menyatakan:**

Adakah sebarang cadangan untuk membangunkan Bukit Ampang sebagai kawasan pelancongan dalam dan luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, belum terdapat cadangan khusus untuk membangunkan Bukit Ampang sebagai kawasan tarikan pelancongan.

Namun begitu, di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9), Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM2.1 juta bagi membangunkan tempat-tempat tarikan pelancong di kawasan-kawasan sekitar Ampang dan Hulu Langat seperti Hutan Lipur Gunung Nuang dan juga di kawasan luar Zoo Negara dan di bawah RMKe-9 juga, terdapat projek yang telah diperuntukkan bagi kawasan Ampang iaitu:

- i) membaiki jalan masuk, membina laluan pejalan kaki, memasang 30 unit lampu jalan dan menurap jalan sedia ada di Hutan Lipur Ampang, Bukit Belacan; dan
- ii) menaiktaraf Kemudahan Infrastruktur di Luar Kawasan Zoo Negara seperti sistem peparitan, membina laluan pejalan kaki dan memasang lampu jalan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

SOALAN NO: 17

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
 [LABUAN]

TARIKH 28 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL (LABUAN) minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah perancangan untuk membuka cawangan operasi atau cawangan pengurusan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di Labuan.

JAWAPAN : YB DATO⁵ SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

SOALAN NO: 16

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) sentiasa prihatin dan mengalu-alukan sebarang cadangan penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Buat masa ini, LPKP Negeri Sabah tidak mempunyai perancangan untuk membuka cawangan operasi di Wilayah Persekutuan Labuan kerana LPKP Negeri Sabah dijangka akan diserapkan di bawah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dalam Fasa Kedua selepas LPKP Semenanjung.

Walau bagaimanapun, bagi memudahkan orang ramai khususnya pengusaha-pengusaha kenderaan perdagangan mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh LPKP, LPKP Sabah telah melaksanakan beberapa program Kaunter Bergerak ke daerah-daerah di negeri Sabah yang tidak mempunyai cawangan LPKP.

SOALAN NO: 15

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Kaunter Bergerak LPKP Sabah di Wilayah Persekutuan Labuan telah diadakan pada 13 hingga 14 April 2010 dan 21 hingga 22 Jun 2010. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah khidmat nasihat mengenai pelesenan dan proses permohonan serta membaharui Kad Pemandu. Program ini dijadualkan sebanyak dua bulan sekali bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan juga daerah-daerah lain seperti Keningau, Kudat dan Lahad Datu. Kekerapan program ini dijangka akan ditingkatkan sekiranya ada keperluan daripada daerah-daerah tersebut.

Sekian. Terima kasih.

PEMBE
RITAHU
PERTA
NYAAN
DARI PAD A TUA N NG A KORMING
DEWAN (TAIPI NG)
RAKYAT
PERTANYAAN T, LISA
TARIKH MALAN
SIA
28.06.2010
SOALAN NO 17

Tuan Nga Kor Ming (Taiping) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan secara terperinci jumlah dan bentuk pinjaman yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan sepanjang tempoh 2005 hingga 2010 serta jumlah hutang negara terkini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pinjaman Kerajaan Persekutuan diperoleh dari sumber dalam dan luar negeri. Pinjaman dalam negeri Kerajaan Persekutuan dibuat melalui penerbitan Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk Simpanan Rakyat. Manakala, pinjaman luar negeri pula diperoleh dari sumber pasaran modal antarabangsa dan pengeluaran pinjaman projek melalui institusi multilateral dan bilateral dalam mata wang Dolar Amerika Syarikat, Yen, Dolar Euro, Dolar Kanada serta Dinar.

2. Jumlah pinjaman Kerajaan Persekutuan dari tahun 2005 sehingga 2009 telah meningkat daripada RM32.2 bilion kepada RM94.0 bilion. Peningkatan ini adalah disebabkan peningkatan pinjaman dalam negeri untuk memenuhi keperluan pembiayaan. Setakat 31 Mac 2010, pinjaman

Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM19.1 bilion di mana sebahagian besarnya

adalah pinjaman melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan dengan jumlah masing-masing RM12.5 bilion dan RM6.5 bilion.

3. Kerajaan akan sentiasa memastikan pinjaman Kerajaan Persekutuan dan paras hutang terus terkawal melalui dasar makroekonomi yang efektif dan sistem pemantauan hutang yang cekap. Peratusan hutang Kerajaan Persekutuan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dari tahun 2005 hingga 31 Mac 2010 kekal terurus dengan purata 45.5% dan pecahannya adalah seperti berikut:

Tahun	Peratus hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK (%)
2005	43.8
2006	42.2
2007	41.5
2008	41.4
2009	53.3
31 Mac 2010	50.6

4. Paras hutang Kerajaan Persekutuan telah berjaya dikurangkan selama empat tahun berturut-turut daripada 43.8% KDNK pada tahun 2005 kepada 41.4% KDNK pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, pada tahun 2009 hutang Kerajaan Persekutuan telah meningkat kepada 53.3% daripada KDNK berikutan penguncupan pertumbuhan ekonomi dan penurunan hasil serta perbelanjaan dua pakej ransangan ekonomi susulan krisis kewangan global yang tidak dapat dielakkan. Setakat 31 Mac 2010, hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM378.3 bilion atau 50.6% daripada KDNK. Sebahagian besarnya iaitu 96.6% adalah hutang dalam negeri manakala 3.4% merupakan hutang luar negeri.

5. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan akan terus dirancang, dipantau dan dikawal dengan baik dan bertanggungjawab. Paras defisit dijangka akan menurun dan pinjaman Kerajaan Persekutuan akan terus

terkawal pada jangka masa sederhana dan panjang. Kerajaan akan sentiasa memastikan paras hutang dan defisit Kerajaan Persekutuan tidak akan meningkat sehingga menjelaskan kemampuan negara membayar balik hutang.

NO. SOALAN: 18

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARI PADA :
TARIKH**

**LISAN
TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH 28 JUN 2010
(ISNIN)**

SOALAN

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta PERDANA MENTERI

menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan Majlis Usahawan Bumiputera di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi menjaga kepentingan usahawan Bumiputera untuk menyediakan hala tuju, memantau dan menyelaras program usahawan Bumiputera, menyediakan dana dan membangunkan kekuatan industri Bumiputera serta turut menyumbang pelaksanaan Model Baru Ekonomi (MBE)

3AWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh yang baru diumumkan Kerajaan, agenda pembangunan Bumiputera akan terus diberi penekanan selaras dengan konsep pertumbuhan dengan pengagihan. Namun demikian, menyedari persekitaran ekonomi dunia dan domestik yang tidak menentu dan kian mencabar, pelaksanaan agenda pembangunan Bumiputera perlu ditransformasikan bagi mewujudkan penyertaan masyarakat Bumiputera yang lebih bermakna, berkesan dan mampan. Justeru itu, pendekatan baru penglibatan masyarakat Bumiputera akan dilaksana berdasarkan empat prinsip utama iaitu mesra pasaran, berdasarkan keperluan, merit dan ketelusan.

Sehubungan dengan itu, inisiatif strategik dikenalpasti bagi memperkasa agenda pembangunan Bumiputera selaras dengan usaha untuk menyumbang ke arah pelaksanaan, pencapaian dan kejayaan Dasar Ekonomi Baru. Sebagai bukti komitmen Kerajaan terhadap jaminan tersebut, satu majlis pembangunan Bumiputera peringkat tertinggi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan ditubuhkan bagi merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan agenda pembangunan Bumiputera dan akan diurus setia oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Soalan No : 19

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN**
PERTANYAAN RAKYAT LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
(SIK)
TARIKH 28.06.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan tentang kekosongan guru di Sabah dan Sarawak telah lama berlaku. Guru-guru yang dilatih di Semenanjung juga kurang berminat dan enggan bertugas di sana. Adakah Kementerian Pelajaran mempunyai perancangan untuk membina Institut Pendidikan Guru di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, jika ada bila dan jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat prihatin dengan keperluan guru yang perlu ditempatkan di kawasan pedalaman di seluruh Malaysia, tidak terhad di Sabah dan Sarawak sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai langkah telah dan akan diambil dalam mengatasi masalah kekurangan guru di kawasan pedalaman. Antaranya ialah dengan menubuhkan Institut Pendidikan Guru (IPG) di Sabah dan Sarawak untuk melatih guru untuk ditempatkan di kawasan pedalaman. Sebagai contoh IPG Kampus Keningau, di Sabah dan IPG Kampus Sarawak, di Sarawak secara khusus difokuskan untuk latihan perguruan bagi memenuhi keperluan guru di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Setakat ini, terdapat 8 buah IPG di Sabah dan Sarawak. Jumlah ini adalah mencukupi bagi menampung keperluan

latihan guru. Bagi 3 buah IPG iaitu IPG Kent, IPG Gaya dan IPG Batu Lintang, kerja-kerja menaiktaraf sedang dilaksanakan bagi menambah bilangan kapasiti pelatih.

Mengenai kesediaan guru untuk bertugas di kawasan pedalaman, di peringkat latihan, KPM melalui Bahagian Pendidikan Guru (BPG) memberi penekanan dalam persediaan bakal-bakal guru yang ditempatkan ke sekolah-sekolah seluruh negara termasuklah di luar bandar dan pedalaman dari segi pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan psikologi. Penekanan ini diberikan melalui pelbagai program dan aktiviti seperti Program Bina Insan Guru untuk membina ketahanan dalam pelbagai persekitaran. Di samping itu, modul-modul khas dibina untuk kaedah khas pengajaran dan pembelajaran (p&p), pengurusan pelajar dan kelas bercantum untuk keperluan p&p. Selain itu, melalui latihan praktikum, guru pelatih juga diberi pengalaman mengajar dalam pelbagai situasi sebenar di sekolah iaitu di kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman.

Rjm52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

DATUK IR. HAJI IDRIS BIN HAJI
HARON [TANGGA BATU]

TARIKH

28 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN NO: 20

SOALAN

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah dasar Kementerian tentang pengambilan pemegang-pemegang jawatan eksekutif di Syarikat Telco negara yang mengambil warga asing sebagai pemegang jawatan kritikal seperti syarikat Telekom Malaysia (TM) yang menyara dua orang warga asing, seorang darinya warga Itali yang memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Teknologi dan Inovasi dan seorang lagi warga Ghana yang memegang jawatan sebagai Timbalan Pengarah Projek HSBB (High Speed Broadband) negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian tidak menetap atau menghadkan pengambilan warga asing di peringkat pengurusan kanan mana-mana pemegang lesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998. Tambahan pula, Telekom Malaysia Berhad (TM) sebagai entiti yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mempunyai

terma-terma dan syarat pengambilan tersendiri dan tidak tertakluk di bawah mana-mana peraturan yang menghadkan pengambilan warganegara asing bagi jawatan-jawatan berikut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF

TARIKH : 28 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Mohd Yusmadi Bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda atau menstruktur semula fungsi Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil bagi menyelesaikan isu-isu bertindih yang melibatkan rakyat Malaysia yang pelbagai kaum dan agama seperti isu pewarisan harta dan hak penjagaan anak oleh rakyat yang baru memeluk agama Islam.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda atau menstruktur semula fungsi Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil bagi menangani isu-isu bertindih yang melibatkan rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini. Ini adalah kerana pembahagian bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil dinyatakan secara jelas di bawah fasal (1A) Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bidang kuasa kedua-dua Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil ditadbir secara berasingan dan bebas antara satu sama lain.

Selain itu, bidang kuasa yang diperuntukkan bagi Mahkamah Syariah juga dinyatakan secara terperinci di bawah Jadual Kesembilan, Senarai Kedua (Senarai Negeri) Perlembagaan Persekutuan. Bidang kuasa Mahkamah Syariah hanyalah terhad kepada undang-undang diri (*personal law*) dan undang-undang keluarga (*family law*), penentuan agama dan hukum syarak serta kesalahan-kesalahan jenayah yang diperuntukkan dan bidang kuasa ini hanya terhad kepada orang Islam sahaja.

Hakikatnya, Kerajaan menyedari bahawa pertikaian dan isu-isu yang berbangkit daripada penukaran agama seperti isu pewarisan harta dan penjagaan anak oleh rakyat Malaysia yang baru memeluk Islam perlu diselesaikan segera dan tidak wajar dibiarkan berlanjutan sehingga boleh menjaskan keharmonian masyarakat. Sehubungan itu, Kerajaan telah meminta Jabatan Peguam Negara untuk mengkaji dan mencadangkan pindaan undang-undang yang bersesuaian. Lanjutan daripada arahan itu, suatu Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada pakar

pelbagai kaum dan agama di negara ini. perundangan Syariah dan Sivil telah diwujudkan oleh Jabatan Peguam Negara khusus untuk mengkaji, berunding dan mencari pendekatan terbaik untuk menyelesaikan isu-isu yang berbangkit daripada penukaran agama tersebut.

Berdasarkan kajian dan maklum balas yang diterima daripada Jawatankuasa Khas tersebut, Jabatan Peguam Negara telah menyediakan cadangan pindaan kepada tiga undang-undang yang berkaitan, iaitu Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303],

Kerajaan bersetuju supaya cadangan pindaan kepada Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Pentadbiran Undang- Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang- Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] dibentangkan terlebih dahulu dalam Mesyuarat Khas Majlis Raja-Raja pada 29 Jun 2009 di Istana Negara sebelum dibentangkan di Parlimen kerana menyentuh hak dan kepentingan umat Islam di negara ini.

Lanjutan daripada keputusan Mesyuarat Khas itu, Kerajaan telah mengemukakan cadangan pindaan undang-undang tersebut kepada semua Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN), iaitu antara bulan Ogos hingga Oktober 2009 bagi mendapatkan pandangan dan persetujuan MAIN. Setelah kesemua MAIN bersetuju dengan cadangan pindaan tersebut, barulah cadangan pindaan itu akan dibentangkan di Parlimen.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

LISAN
PERTANYAAN Y.B DATUK DR TEKHEE @ TIKI
DARIPADA ANAK LAFE
(MAS GADING)
28 JUN 2010

TARIKH
SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian untuk melaksanakan bekalan elektrik di kawasan luar bandar khususnya masyarakat yang tidak mampu menyambung bekalan elektrik ke rumah masing-masing walaupun ‘*service line*’ sudah sampai ke kawasan mereka.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, skop pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar di Wilayah (KKLW) melibatkan pembinaan talian penghantaran, talian pengagihan dan talian perkhidmatan ke rumah-rumah individu. Pengguna pula perlu menanggung kos pendawaian dalam rumah dan membayar yuran deposit penyambungan bekalan elektrik (collateral deposit) kepada Pihak Berkuasa Elektrik Negeri iaitu Tenaga Nasional Berhad di Semenanjung, Sabah Electricity Sdn. Bhd. di Sabah dan Syarikat SESCO Berhad di Sarawak sebelum bekalan elektrik di sambung ke rumah. “*Collateral Deposit*” merupakan cagaran penyambungan bekalan elektrik yang perlu dibayar oleh pengguna dan boleh dituntut semula oleh pengguna sekiranya mereka berpindah atau menamatkan langganan perkhidmatan bekalan elektrik.

Di negeri Sarawak, pendawaian dalam rumah di kampung- kampung yang mendapat bekalan elektrik di bawah program BELB Kementerian akan dibuat oleh Syarikat SESCO Berhad menggunakan pembiayaan ‘*Assisted Wiring Scheme*’ (AWS). Jumlah pembiayaan pendawaian dalam rumah berjumlah RM500 dan pengguna dikenakan bayaran balik secara ansuran selama 36 bulan.

Dalam usaha untuk memastikan semua masyarakat menikmati kemudahan bekalan elektrik, Kementerian juga membiayai kos pendawaian dalam rumah dan pembayaran deposit penyambungan bekalan elektrik untuk Ketua Isi Rumah yang miskin tegar.

NO. SOALAN: r

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA
BELAS (2010)**

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

Y.B. Tuan Mohd Abdul Wahid Bin Endut
(Kuala Terengganu)

TARIKH

28 Jun 2010 (Isnin)

SOALAN:

Tuan Mohd Abdul Wahid Bin Endut (Kuala Terengganu) minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula cadangan untuk mewajibkan pengambilan Sijil Halal dari JAKIM dan JAIN sahaja dan berapakah jumlah pelanggan Sijil Halal di Malaysia sehingga bulan Mei 2010?

JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI

BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah Kerajaan untuk membenarkan hanya JAKIM dan JAIN sahaja yang dibenarkan mengeluarkan sijil dan logo adalah bagi memastikan pengguna terutama umat Islam mendapat produk yang benar-benar menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh syariah dan menepati aspek teknikal yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, Kerajaan telah menetapkan hanya JAKIM dan JAIN sahaja yang dibenarkan mengeluarkan sijil halal berdasarkan:

- i) kedudukan JAKIM dan JAIN sebagai institusi agama yang berkelayakan dan diiktiraf oleh semua pihak di dalam dan luar negara;
- ii) berdasarkan fungsi, kepakaran, kemahiran dan integriti kedua-dua badan ini di dalam proses pensijilan halal yang menepati aspek syariah dan teknikal;
- iii) mengelakkan kekeliruan dan keraguan pengguna dan umat Islam mengenai pensijilan dan logo halal yang turut dikeluarkan oleh pihak-pihak yang tidak diiktiraf;
- iv) selari dengan hasrat untuk menyeragamkan pensijilan halal di seluruh negara yang turut melibatkan semua negeri; dan

- v) memastikan bahawa penguatkuasaan undang-undang berkaitan halal dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan seragam.

Sehingga bulan Mei 2010, JAKIM telah menerima sebanyak 1,321 permohonan yang mana 969 daripadanya telah berjaya mendapatkan sijil halal. Pemohon yang mendapat sijil halal ini terdiri daripada pengeluar produk-produk makanan, barang keperluan pengguna, hotel, premis makanan, rumah sembelih dan perkhidmatan logistik.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH
NORAH BINTI ABD
RAHMAN**

(TANJONG MANIS)

TARIKH : 28 JUN 2010

SOALAN : 2*f

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan pembinaan dewan serbaguna di Kampung Penipah, Salah Kecil, Mupong, Muara Payang, Tanjung Bundung di kawasan Perlimen Tanjong Manis.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah merujuk permohonan pembinaan dewan serbaguna di Kg. Penipah, Kg. Salah Kecil, Kg. Mupong, Kg. Muara Payang dan Kg. Tanjung Bundung kepada Pejabat Daerah yang berkaitan. Daripada maklumbalas yang diberikan oleh Pejabat Daerah Kecil Daro, Pejabat Daerah Sarikei dan Pejabat Daerah Bintangor memaklumkan bahawa

tapak untuk membina kelima-lima dewan yang dipohon masih belum dikenalpasti.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan projek-projek bangunan di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan hanya dibenarkan di atas

tanah yang didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) atau tanah kerajaan negeri yang ditandakan (*ear mark*) oleh Pejabat Tanah / Daerah sahaja.

Oleh yang demikian, KKLW hanya akan mempertimbangkan permohonan untuk kelima- lima dewan tersebut setelah tapak untuk melaksanakannya dikenalpasti.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN LIEW CHIN TONG
 [BUKIT BENDERA]

TARIKH 28 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Llew Chin Tong [Bukit Bendera] minta MENTERI

SOALAN NO: 25

PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan tujuan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) ditubuhkan, berapa jumlah pegawai tetap dan pegawai ataupun pekerja kontrak dan adakah pegawai JASA dilantik oleh parti-parti Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) adalah bertujuan memupuk, memelihara serta mempertahankan kestabilan negara melalui penyebaran dan penjelasan mengenai dasar-dasar Kerajaan dengan tepat dan berkesan.

Bilangan perjawatan di JASA setakat 31 Mei 2010 ialah 148 bagi jawatan tetap dan 1056 bagi pegawai kontrak.

Pegawai-pegawai JASA dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melalui proses temuduga berdasarkan kelayakan mengikut skim perkhidmatan yang disyaratkan.

NO.AUP : D-fe

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA	DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
	[SIPITANG]
TARIKH	28 JUN 2010
RUJUKAN	2759

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status dan perancangan untuk menaik taraf Ibu Pejabat Daerah (IPD) Sipitang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sipitang kerana mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman, memandangkan IPD sedia ada sudah tidak sesuai

untuk dinaik taraf, pembinaan semula IPD Sipitang telah dicadangkan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9). Akan tetapi cadangan pembinaan tersebut telah dikeluarkan daripada senarai projek (RMK-9) disebabkan oleh kekurangan peruntukan. Walau bagaimanapun, cadangan pembinaan IPD ini telah diperakukan semula untuk dilaksanakan dalam RMK-10.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TAN SRI DATO* ABD. KHALID BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH 28 JUN 2010

RUJUKAN 2758

SOALAN:

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa majoriti dari pekerja asing yang sah ke Malaysia adalah melalui agensi pekerja asing. Bolehkah pihak Kementerian menyenaraikan nama agensi, jumlah pekerja yang diambil mengikut negara serta pendapatan yang diperolehi dari perkhidmatan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bandar Tun Razak di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan hanya membenarkan Agensi Pekerjaan Pembantu Rumah Asing dan syarikat penyumberan luar (*outsourcing*) untuk membawa masuk pekerja asing dari negara sumber. Kedua-dua agensi ini diberi kebenaran oleh kerajaan untuk menguruskan pengambilan pekerja asing. Agensi Pekerjaan untuk pengambilan Pembantu Rumah Asing (PRA) yang dilesenkan di bawah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan berdaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), manakala syarikat penyumberan luar (*outsourcing*) pula merupakan syarikat-syarikat yang dilesenkan oleh Kerajaan untuk menggaji pekerja asing dan menawarkan pekerja mereka kepada majikan yang mempunyai keperluan.

Sehingga sekarang terdapat 277 buah syarikat outsourcing pekerja asing di Malaysia manakala bagi Agensi Pekerjaan Pembantu Rumah, terdapat sebanyak 292 agensi.

Sebagai makluman Yang Berhormat, jumlah pekerja asing bagi tempoh 1 Januari 2009 sehingga 31 Disember 2009 terdapat

seramai 1,918,146 pekerja asing yang berdaftar.

Pecahan pekerja asing mengikut 5 negara tertinggi adalah seperti berikut:-

- | | |
|---------------|---------|
| 1. Indonesia | 991,940 |
| 2. Bangladesh | 319,020 |
| 3. Nepal | 182,668 |
| 4. Myanmar | 139,731 |
| 5. India | 122,382 |

Berhubung dengan pendapatan yang diperolehi dari perkhidmatan tersebut, dukacita dimaklumkan bahawa Kementerian tidak mempunyai sebarang maklumat berkenaan dengan perkara ini kerana ia adalah urusan perniagaan di antara agensi dan majikan. Kerajaan tidak memantau urusan dalaman agensi-agensi berkenaan.

No: 28

DARIPADA	DEWAN RAKYAT, MALAYSIA DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID (PADANG BESAR)
PERTANYAA	LISAN
N TARIKH	28.06.2010
SOALAN NO	28

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid (Padang Besar) minta **Menteri Kewangan** menyatakan baru-baru ini pihak Khazanah Nasional telah mengumumkan cadangan untuk menjual kepentingannya dalam syarikat Pos Malaysia Berhad kepada pihak pembeli strategik. Apakah yang dimaksudkan dengan pembeli strategik, dan adakah Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan secara dasarnya telah bersetuju untuk melupuskan keseluruhan 32.2% pegangannya dalam Pos Malaysia Bhd (Pos Malaysia) yang dimiliki oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 Mac 2010. Keputusan untuk melupuskan pegangan dalam Pos Malaysia ini

adalah selaras dengan salah satu daripada aspirasi yang terkandung dalam Model Ekonomi Baru.

2. Sebagai salah satu daripada aset strategik negara, Khazanah akur bahawa pihak yang bakal mengambil alih pegangannya dalam Pos Malaysia harus memiliki kriteria-kriteria tertentu yang akan memastikan Pos Malaysia dapat terus berkembang maju dan pada masa yang sama kepentingan negara terus terpelihara. Berdasarkan kepada ketetapan ini, pemegang saham baru Pos Malaysia kelak akan turut mengambil alih status sebagai pemegang saham strategik syarikat.
3. Proses penilaian dan pembidaan yang dijalankan oleh Khazanah akan mengambil kira aspek kewangan dan juga strategik. Kriteria bagi pemilihan antara lainnya merangkumi pelan perniagaan serta ciptaan nilai yang dicadangkan, ujian bagi menentukan kesesuaian para pembida (*fit and proper test*) serta terma, harga dan syarat-syarat bagi tawaran kewangan. Salah satu daripada syarat utama bagi melayakkan pembidaan untuk dipertimbangkan adalah pembida harus dikuasai secara majoriti oleh pihak tempatan. Walau bagaimanapun, pakatan antara pihak tempatan dengan pihak asing yang memiliki kepakaran strategik dan

teknikal akan turut dipertimbangkan.

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

NO. AUM : 11

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH 28 JUN 2010

RUJUKAN 2757

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa kos yang terbabit dalam menyekat dan menahan perjalanan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan pada 4 Mei 2010 dan bilangan polis yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sebenarnya pihak polis bukanlah menyekat ataupun menghalang perjalanan Duli Yang Maha Mulia Al- Sultan Kelantan seperti dakwaan oleh Ahli Yang Berhormat. Tugas anggota polis pada masa itu ialah untuk memastikan perjalanan Baginda selamat dan lancar.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memastikan perjalanan Baginda terkawal, tugas ini dipikul oleh 77 orang pegawai dan anggota polis yang melibatkan peruntukan sebanyak RM 5,616.00.

Soalan No : 30

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARI PADA**

LISAN
Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
(BATANG SADONG)

TARIKH 28.06.2010

SOALAN:

Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG SADONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa kerapkah Kementerian mengkaji dan mengemaskini modul dan isi kandungan buku-buku teks sekolah untuk memastikan maklumat yang dicetak adalah tepat dan terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil langkah memastikan bahawa semua modul dan buku teks yang diterbitkan telah melalui proses penilaian, penyemakan dan pemantapan yang teliti oleh panel khas yang telah dilantik oleh KPM bagi menjamin isi kandungan modul dan buku teks tepat. Misalnya Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dilaksanakan pada 1983 dan disemak semula secara keseluruhan dan berperingkat pada tahun 2000. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan pada 1989 dan telah disemak semula secara keseluruhan dan berperingkat mulai tahun 2000 hingga 2005.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekerapan perubahan kurikulum adalah mengikut kitaran pembangunan dan penyemakan kurikulum yang mengambil

masa lebih kurang sepuluh tahun. Perubahan kurikulum diperlukan untuk memasukkan perkara-perkara baru bagi menambah baik kandungan kurikulum supaya selari dengan keperluan murid, masyarakat dan negara. Selaras dengan perubahan dalam kurikulum, maka buku teks akan diterbitkan mengikut perubahan dan penambahbaikan dalam kurikulum. Selain daripada penyemakan secara berkala, KPM juga memastikan isi kandungan modul dan buku teks sentiasa terkini dengan mengambil tindakan terhadap maklum balas dan cadangan yang diterima daripada pengguna modul dan buku teks tersebut.

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA : YB William Leong Kee Keen (Selayang)
TARIKH : 28 JUN 2010
SOALAN Tuan William Leong Kee Keen [Selayang]
minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan
alasan dan polisi Malaysia atas sokongan
kepada perang Amerika Syarikat di Iraq
dan Afghanistan dan “Sanction” terhadap
program nuklear Iran berikutan pertemuan
antara Presiden AS dengan YAB Perdana
Menteri Malaysia pada 12 April ,2010.

Jawapan:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Selayang, ke atas soalan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sukacita saya menjelaskan bahawa polisi atau pendirian Malaysia mengenai isu perperangan Amerika Syarikat di Iraq, Afghanistan, serta “sanction” terhadap program nuklear Iran adalah tidak ada kaitan dengan hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat dan juga lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Washington D.C. pada 10-16 April 2010 serta pertemuan dua hala beliau dengan Presiden Obama pada 12 April 2010 baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menjelaskan bahawa Malaysia tidak pernah menyokong pencerobohan dan penaklukan negara Iraq yang telah dilakukan oleh Amerika Syarikat di bawah pimpinan Presiden George Bush pada tahun 2003 berdasarkan dakwaan bahawa Kerajaan Iraq pada masa itu di bawah pemerintahan Presiden Saddam Hussein mempunyai *Weapons of Mass Destruction*.

Walau bagaimanapun, setelah lebih dari tujuh tahun Iraq dalam keadaan huru-hara akibat ketidakstabilan politik dan keselamatan serta

perubahan polisi oleh Presiden Barrack Obama terhadap Iraq yang bercadang mengundurkan tentera Amerika dari Iraq pada tahun 2011, Malaysia perlu menyokong usaha masyarakat antarabangsa dalam mengembalikan keamanan dan kestabilan politik di Iraq.

Dalam hal ini, Malaysia mengalu-alukan penganjuran pilihanraya Parlimen pada 7 Mac 2010. Malaysia berharap pihak yang terlibat dalam pilihan raya tersebut dapat menerima keputusan yang telah diumumkan pada 26 Mac 2010 dan dapat menujuhkan sebuah kerajaan bagi menyatukan kesemua rakyat Iraq termasuk puak Sunni dan Syiah.

Malaysia juga berharap Kerajaan Iraq akan dapat mengambil tindakan segera bagi menstabilkan keadaan keselamatan yang semakin tidak menentu di sekitar Iraq dengan serangan bom dan pembunuhan yang berleluasa.

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengenai Afghanistan, Malaysia sudah sekian lama bergerak aktif dalam menghulurkan bantuan kepada usaha pembangunan semula di negara tersebut. Bantuan tersebut secara khususnya adalah menerusi penyediaan skim-skim latihan dan pembinaan kapasiti kepada penjawat-penjawat awam Afghanistan dalam pelbagai bidang di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia. Ianya adalah juga sebagai inisiatif bagi mencerminkan sokongan padu Kerajaan Malaysia terhadap pelbagai usaha masyarakat antarabangsa dalam membantu

Kerajaan Afghanistan merealisasikan matlamatnya mencapai kestabilan, keamanan dan pembangunan, demi kesejahteraan rakyat negara tersebut.

Kesediaan Malaysia memperluaskan skop bantuan kepada proses pembangunan semula di Afghanistan, sebagaimana dimaklumkan YAB Perdana Menteri kepada Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama, dalam pertemuan antara kedua-dua belah pihak di Washington pada 12 April 2010 lalu, adalah bagi memenuhi permintaan Kerajaan Afghanistan. YAB Perdana Menteri turut menekankan bahawa bantuan pihak kita itu akan meliputi pembangunan kapasiti melalui pelbagai latihan kepada pegawai-pegawai Afghanistan, pembinaan infrastruktur awam serta penyediaan perkhidmatan perubatan.

Kerajaan Malaysia yakin dan percaya bahawa inisiatif pihak kita ini akan disambut baik oleh pemimpin dan Kerajaan Afghanistan sekali gus dapat membantu merapatkan lagi hubungan serta persefahaman erat yang telah sedia terjalin antara rakyat kedua-dua negara. Pada masa sama, langkah berkenaan bukan saja dapat meningkatkan imej Malaysia di kalangan negara-negara Islam sebagai sebuah negara yang prihatin atas penderitaan yang ditanggung oleh penduduk Afghanistan, bahkan di persada antarabangsa pada keseluruhannya.

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam soal pembangunan tenaga nuklear oleh Iran, Malaysia berpegang kepada prinsip bahawa semua negara termasuk Iran, mempunyai hak yang sama untuk membangunkan tenaga nuklear untuk tujuan keamanan. Pembangunan program nuklear untuk tujuan aman perlu dilaksanakan dengan penuh ketelusan dan menepati kepiawaian kawalseliaan antarabangsa (*international safeguards standards*) yang ditetapkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), seperti yang dipertanggungjawabkan ke atas semua Negara Anggota IAEA, termasuk Iran.

PEMBERITAHU

PERTANYAAN

DEWAN

PERTANYAAN **RAKYAT** LISAN

DARIPADA DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED

[PULAI - BN]

TARIKH 28 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN NO. 38

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai - BN] minta **MENTERI BELIA DAN**

SUKAN menyatakan

- (a) jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk menyediakan skuad Piala Thomas; dan
- (b) jumlah peruntukan mengadakan pertandingan Piala Thomas di Kuala Lumpur baru-baru ini.

JAWAPAN

- (a) Jumlah perbelanjaan yang melibatkan peruntukan Kerajaan dalam penyediaan skuad badminton negara di Kejohanan Piala Thomas & Uber 2010 (9 hingga 16 Mei 2010) adalah sebanyak RM452,085.00. Peruntukan tersebut adalah sebagai persediaan skuad Badminton negara untuk menghadapi Piala Thomas dan Piala Uber yang merangkumi penyertaan ke kejohanan antarabangsa dan Kem Bina Semangat yang diadakan di Port Dickson pada 23 hingga 25 April 2010 lalu.
- (b) Manakala peruntukan untuk pengajuran tersebut adalah sebanyak RM 2,737,000.00 dan dibuat oleh pihak Persatuan Badminton Malaysia (BAM).

SOALAN NO.33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH 28 JUN 2010

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab peningkatan aduan tentang pemindahan nama pengundi tanpa pengetahuan mereka atau pun kehilangan nama pengundi daripada Daftar Pemilih. Apakah langkah yang diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk meningkatkan kewibawaan dan kebebasannya.

**JAWAPAN: Y. B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang tidak memberi kuasa kepada SPR untuk memindahkan nama mana-mana pengundi daripada sesuatu bahagian pilihan raya ke bahagian pilihan raya yang lain tanpa menerima sebarang permohonan daripada pemilih berkenaan untuk pertukaran alamat pusat mengundi. Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 [P.U. (A) 293/2002] menyatakan bahawa mana-mana pengundi yang berhasrat untuk membuat permohonan tukar alamat pusat mengundi kerana telah berpindah ke alamat mastautin yang baru perlu mengemukakan sendiri permohonannya kepada SPR melalui Pendaftar atau mana-mana Penolong Pendaftar yang dilantik dan permohonan perlu dibuat menggunakan Borang A-Pendaftaran Pemilih. Oleh yang demikian SPR memberi jaminan tidak akan berlaku pemindahan nama seseorang pemilih dari satu kawasan ke kawasan lain tanpa

permohonan yang diterima yang ditandatangani olehnya.

Manakala, berdasarkan Peraturan 25(2)(e),(f) dan (g) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 [P.U. (A) 293/2002], SPR mempunyai kuasa untuk mengeluarkan dari daftar pemilih nama pengundi yang telah disahkan meninggal dunia, hilang atau lucut kewarganegaraan atau apa-apa sebab lain yang sah untuk dikeluarkan dari daftar pemilih. Di samping itu juga, berdasarkan Peraturan 25(1), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 [P.U. (A) 293/2002], SPR boleh memasukkan semula nama pengundi yang telah tersilap dikeluarkan dari daftar pemilih apabila berpuas hati dengan siasatan yang dijalankan oleh SPR apabila menerima aduan kehilangan nama pengundi tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI

ABD. MUTALLIB [MARAN]

TARIKH

28 JUN 2010

SOALAN :

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta PERDANA MENTERI menyatakan suasana politik negara sekarang menyebabkan rakyat keluh kesah apabila terdapat gelagat pembangkang secara tidak langsung mengheret institusi raja ke gelanggang fahaman politik yang sempit. Justeru itu, apakah pelan Kerajaan secara tegas dalam menghalang kegiatan yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab ini.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan berpendapat sekiranya pembangkang berhasrat untuk meneruskan gelagat mereka yang mengheret institusi raja ke gelanggang politik adalah terpulang kepada mereka. Sekiranya Kerajaan campur tangan samalah juga seperti Kerajaan turut terlibat dalam permainan mereka. Apabila sekatan-sekatan dikenakan maka Kerajaan akan sekali lagi dituduh telah mengawal institusi raja.

Sehubungan itu, biarlah rakyat menilai sendiri gelagat pembangkang yang tidak pernah berhenti menyalahkan orang lain selain dari diri mereka sendiri hingga tindakan oleh institusi raja juga dituduh didalangi oleh Kerajaan.

Selain itu, Kerajaan amat yakin akan pertimbangan dan ketelusan institusi raja. Para Sultan merupakan payung kepada rakyat di negeri masing-masing, setiap tindakan dan keputusan yang dibuat pastilah untuk kebaikan negeri dan rakyat mereka semata-mata.

Walaubagaimanapun, sekiranya wujud sebarang elemen yang menjurus ataupun bersifat hasutan, maka pihak Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang berkaitan dibawah Akta Hasutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	: DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN (SEPANGGAR)
PERTANYAAN	LISA N
TARIKH	28.06.2010
SOALAN NO	35

Datuk Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan cara Kerajaan mengendalikan penguatkuasaan dalam perjudian 4 ekor (Sports Toto, Sandakan Turf Club, Sabah 88 dan Magnum 4D dan kawalan terhadap jualan “special draw”. Berapa jumlah royalti dikutip dalam perjudian ini di Sabah dan bilangan hari penjualan pada setiap minggu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semua syarikat nombor ramalan dilesenkan di bawah Akta Pertaruhan Pool 1967. Di bawah Seksyen 24 akta ini, Kerajaan diberi kuasa untuk memeriksa sebarang buku, akaun, rekod dan dokumen atau sebarang mesin dan peralatan yang digunakan semasa operasi operator-operator tersebut. Melalui akta ini juga Kerajaan mempunyai kuasa untuk merampas sebarang buku, akaun, rekod dan dokumen atau sebarang mesin dan peralatan tersebut sebagai bahan bukti jika disyaki melakukan pelanggaran terhadap akta ini. Selain itu, Seksyen 23 melalui pelesenan di bawah akta ini juga Kerajaan berhak menahan individu yang telah melakukan pelanggaran terhadap akta tersebut tanpa waran. Penguatkuasaan juga dilaksanakan selaras dengan syarat dan sekatan lesen

yang telah dikenakan kepada semua operator nombor ramalan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, Seksyen 28 Akta Pertaruhan Pool 1967 juga memberikan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menentukan cara pelaksanaan cabutan termasuklah cabutan khas (*special draw*). Oleh itu, semua operator nombor ramalan harus mendapatkan kelulusan daripada Menteri Kewangan sebelum melaksanakan cabutan khas.
3. Untuk makluman Yang Berhormat jua, jumlah kutipan cukai perjudian syarikat nombor ramalan di Sabah pada tahun 2009 adalah sebanyak RM451,723,68.52. Cabutan nombor ramalan diadakan tiga kali seminggu iaitu pada hari Rabu, Sabtu dan Ahad.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID [PENGERANG]**

TARIKH 28 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengenai perancangan yang akan dilakukan untuk menjadikan "Pengerang Battery" sebagai salah satu tapak warisan bersejarah negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan untuk menjadikan “Pengerang Battery” sebagai salah satu tapak warisan bersejarah negara harus berdasarkan kepada kriteria-

kriteria yang dinyatakan dalam Seksyen 67 (2), Akta Warisan Kebangsaan 2005, iaitu:

- (a) Kepentingan sejarah, hubungan dengan atau perhubungan dengan sejarah Malaysia;
- (b) Ciri-ciri rekabentuk atau estetik;
- (c) Pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal;
- (d) Hubungan sosial atau kebudayaan;
- (e) Potensi untuk mendidik, menjelaskan atau menyediakan penyiasatan saintifik lanjut berhubung dengan warisan kebudayaan Malaysia;
- (f) Kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaian atau integrasi bentuk yang luar biasa;
- (g) Jarang tidaknya atau keunikan warisan semulajadi, warisan budaya ketara atau tidak ketara atau warisan kebudayaan di bawah air;
- (h) Gambaran bentuk suatu tapak atau objek sebagai sebahagian daripada kelas atau jenis suatu tapak atau

SOALAN NO: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
objek; dan

- (i) Apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan penentuan warisan kebudayaan yang penting.
- (j) Jabatan Warisan akan menyusul penilaian “Pengerang Battery” dan membuat rumusan yang diperlukan.

SOALAN(37)

PERTANYAAN	PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, LISAN MALAYSIA
TARIKH	28 JUN 2010 (ISNIN)
DARIPADA	Y.B. DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)

SOALAN

Y.B. DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dalam semangat 'rakyat didahulukan' bolehkah Kementerian menjual 640 unit flat transit Paya Nahu 1 yang telah didiami penduduk yang berasal dari setinggan yang dipindahkan dari kampung-kampung di atas tanah rizab sungai, Sungai Petani, (Kg. Tebu, Kg. Selut, Kg. Bahgia, Kg. Raja dan lain-lain) sejak 12 tahun dahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada 31 Mei 2006 telah bersetuju membenarkan rumah-rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Disewa terutama yang terletak di pinggir bandar untuk dijual. Sungguhpun demikian, keputusan untuk menjual rumah-rumah berkenaan tertakluk kepada persetujuan bersama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Pada masa kini, penjualan rumah-rumah PPR Disewa akan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). Penjualan rumah-rumah PPR Disewa di negeri- negeri lain akan dilaksanakan setelah mengambil kira kejayaan dan impak penjualan PPR Disewa di WPKL.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

SOALAN NO: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

Jun 2010

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD

[MUKAH]

TARIKH

28 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan dasar-dasar dan kriteria untuk menyediakan kemudahan komunikasi asas seperti telefon di kawasan luar bandar Sarawak dan adakah Kementerian mencadangkan penggunaan telefon khidmat Wi-Fi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga suku pertama 2010, jumlah langganan telefon bimbit di Malaysia 30.79 juta. Kerajaan sentiasa prihatin dalam memastikan masyarakat luar bandar tidak terpinggir dalam arus kemodenan. Oleh yang demikian bagi memastikan mereka dapat menikmati kemudahan-kemudahan seperti perkhidmatan telefon mudah alih ini, Kerajaan telah memperkenalkan Program Time 3 pada 2008 untuk memperluaskan liputan selular di seluruh negara termasuk kawasan-kawasan pedalaman. Sasaran program ini ialah untuk meningkatkan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

kadar liputan populasi negara kepada 97% menjelang pertengahan tahun 2011.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, telah terdapat perkhidmatan telefon talian tetap yang telah disediakan antara tahun 2002-2007 di Sarawak di bawah program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (*Universal Service Provision - USP*). Kawasan-kawasan yang terlibat terdiri daripada kawasan yang mempunyai penembusan 20% di bawah paras penembusan telefon talian tetap nasional.

Selain daripada telefon selular, perkhidmatan telefon talian tetap turut disampaikan melalui teknologi tanpa wayar sebagai alternatif. Pihak Telekom Malaysia menawarkan telefon tanpa wayar menggunakan teknologi Code Division Multiple Access (CDMA) untuk pelanggan yang menggunakan telefon talian tetap. Ini terutamanya bagi kawasan- kawasan yang sukar dicapai melalui perkhidmatan berwayar atau kabel.

Pelaksanaan telefon khidmat wi-fi pada ketika ini adalah di peringkat Proof Of Concept (POC) di mana 4 unit percubaan telah pun dilancarkan baru-baru ini. 2 unit di Sibu dan 2 unit lagi di Kuching (Kuching Waterfront dan Kampung Gita). Kementerian sedang memantau perkembangan teknologi ini dan pihak penyedia

perkhidmatan akan memperluaskan penggunaannya ke kawasan-kawasan lain jika ianya berjaya, dan membawa manfaat kepada masyarakat.

Soalan No : 39

PEMBERUAHU PERTANYAAN DEWAN

DARIPADA	Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM (KUALA KEDAH)
TARIKH	28.06.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah kurikulum mata pelajaran seks di sekolah, apakah kajian dan nasihat pakar telah diperolehi dan apakah maklum balas ibu bapa juga diambil kira.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam konteks pendidikan di Malaysia ‘Sex education’ dikenali sebagai **Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial**. Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial sejak tahun 1989 bagi sekolah menengah dan di sekolah rendah pada 1994. **Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial diajar khasnya melalui kurikulum mata pelajaran Pendidikan Kesihatan** dan juga secara merentas kurikulum pelbagai mata pelajaran seperti bahasa, Biologi, Sains, Sains Tambahan, Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam. Kajian secara mendalam dijalankan dari semasa ke semasa dalam setiap penggubalan kurikulum termasuk Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial.

KPM juga telah membuat persediaan bagi melatih guru dengan menjalankan kursus kepada Jurulatih Utama (JU) yang terdiri daripada guru sekolah menengah dan rendah telah dilatih untuk mengajar Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial di peringkat kebangsaan. JU Kebangsaan seterusnya melatih guru di peringkat negeri. Kursus JU berhasrat untuk memberi pendedahan tentang pelaksanaan Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial dan pendekatan P&P yang sesuai digunakan untuk diterjemahkan ke dalam P&P di dalam kelas seperti yang diharatkannya dalam kurikulum.

Dari segi penerimaan masyarakat dan memastikan keberkesanan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial, peranan dan penglibatan ibu bapa amat penting dalam membantu keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial yang dijalankan oleh guru. Sikap keterbukaan ibu bapa dalam membincangkan hal-hal berkaitan seksualiti dengan anak-anak mereka sendiri dan sokongan mereka serta pihak-pihak tertentu kepada guru secara tidak langsung akan dapat membantu keberkesanan kurikulum Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial di sekolah. Ini dapat mengurangkan sensitiviti yang mengiringi isu seksualiti supaya ia diterima sebagai hakikat serta proses semula jadi yang perlu dilihat dalam perspektif tepat dan sihat. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) juga boleh memainkan peranan penting dalam menambah tahap kesedaran dan pengetahuan berkaitan seksualiti.

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB DATO' IBRAHIM BIN ALI

[PASIR MAS]

TARIKH : 28 JUN 2010

SOALAN NO:9a *

SOALAN: **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

DATO* IBRAHIM BIN ALI minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah penyiasatan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap laporan yang dibuat oleh Ahli Parlimen Kapar mengenai penyelewengan yang berlaku dalam syarikat Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (anak syarikat Kerajaan Negeri) yang menguruskan penjualan pasir di negeri Selangor kerana ianya dikatakan wujudnya terlalu banyak penyelewengan dan rasuah yang melibatkan pegawai Kerajaan dan ahli politik.

JAWAPAN: **YB DATO* SERI MQHAMEP NAZR1 BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Pasir Mas itu masih lagi dijalankan. Pihak SPM perlu menjalankan siasatan secara tejiti, terperinci dan menyeluruh dalam sesuatu penyiasatan kes rasuah bagi mendapatkan bukti-bukti dan keterangan yang mencukupi. Kertas Siasatan akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya setelah siasatan selesai. SPM berharap Y.B. Pasir Mas

akan bersabar dan menunggu hasil siasatan yang dijalankan.

SPRM sebelum itu juga telah mengambil tindakan terhadap sindiket mencuri pasir secara haram melibatkan beberapa buah negeri termasuklah di Negeri Selangor. Setakat ini seramai 42 orang telah pun ditangkap dan 22 pertuduhan telah dibuat di Mahkamah.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH : 28 JUN 2010

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang minta PERDANA MENTERI menyatakan

SOALAN NO.42

bahawa Timbalan Pengerusi SPR, telah mengatakan ~~sebanyak~~ 10 lokaliti telah disempadan semula di Selangor dan Kuala Lumpur. Manakah 10 lokaliti tersebut dan dipindah ke mana.

JAWAPAN: Y. B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang dijelaskan oleh Timbalan Pengerusi SPR Yang Berbahagia Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar bahawa SPR di bawah undang-undang boleh melaksanakan urusan belah bahagi daerah mengundi mengikut subseksyen 7 (2) Akta Pilihan Raya 1958 dan urusan pembetulan kedudukan lokaliti yang tersalah letak mengikut subperaturan 25 (3) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.

Berhubung dengan lokaliti yang dimaksudkan, Timbalan Pengerusi SPR semasa menjawab pertanyaan wartawan ketika itu menyatakan terdapat 10 lokaliti yang terlibat di Hulu Selangor. Walaubagaimanapun hanya perubahan lokaliti Kampung Tanjong sahaja terlibat dengan pertukaran kawasan pilihan raya dari Parlimen P.094 Hulu Selangor yang sepatutnya berada di dalam P.097 Selayang. Semua lokaliti yang lain hanya melibatkan pertukaran daerah mengundi di dalam Dewan Undangan Negeri dan Parlimen yang sama.

Senarai 10 lokaliti yang terlibat dengan pembetulan kedudukan

adalah seperti berikut:

Bil	53.£fm^ Lokaliti	Kod Lokaliti
1.	Kampung Tanjong	097/14/12/001
2.	Kg Serigala	094/05/05/004
3.	Kg Baru A	094/05/11/010
4.	Tmn Sri Asa	094/05/10/017
5.	Jalan Besar	094/05/12/006
6.	Taman Tempua Bestari	094/05/12/009
7.	Kg Sri Serendah	094/07/09/007
8.	Kampong Malacca	094/07/17/002
9.	Kampong Baru Serendah	094/07/17/001
10.	Tmn Cempaka	094/07/09/009

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 42

PEMBERITAHUA

N PERTANYAAN

PERTANYAAN
DEWAN

LISAN

DARIPADA RAKYAT

DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS

TARIKH

28 JUN 2010

SOALAN

Minta Perdana Menteri menyatakan :

- a) Jumlah pelaburan dalam sektor hartanah yang dibuat oleh FELDA dalam Negara semenjak 2005; dan
- b) Hasil pulangan daripada pelaburan FELDA membeli Syarikat Bio-Diesel Twin Rivers Technology di Amerika Syarikat pada 2007 dengan RM270 juta.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2005 FELDA telah melaksanakan pembangunan hartanah bernilai RM1.121.93 juta. Projek yang dilaksanakan adalah terdiri daripada pembangunan tiga (3) buah projek Feldajaya bernilai RM146.75 juta,

lima (5) buah projek perumahan mampu milik atau Perumahan Warga FELDA (PWF) bernilai RM134 juta, FELDA Residence Kuala Terengganu (RM28.84 juta), Menara FELDA (RM662 juta), Rumah Rehat dan Kompleks Latihan FELDA di Tanjung Leman (RM27.47 juta) dan Maktab Rendah Sains Mara FELDA (MRSMF) di Trolak (RM122.87 juta). Kesemua projek hartanah tersebut bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat peneroka, pegangan harta dan pelaburan FELDA serta tanggungjawab sosial kepada warga FELDA.

b) Pelaburan Kumpulan FELDA di dalam Syarikat Twin Rivers Technologies US, Inc (TRT US) telah dibuat pada penghujung tahun 2007. Pelaburan sebanyak RM270 juta tersebut telah dipermodalkan di dalam bentuk saham ekuiti di dalam TRT US. Justeru itu, pulangan ke atas modal saham tersebut adalah berbentuk dividen di mana ianya tertakluk kepada prestasi kewangan TRT US.

Pelaburan ini adalah berbentuk jangka panjang yang belum lagi memberikan pulangan. Ia adalah pelaburan strategik untuk menembusi pasaran oleochemical dan makanan di Amerika Utara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B TUAN SIVARASA RASIAH

TARIKH : 28 JUN 2010

SOALAN :

Y.B TUAN SIVARASA RASIAH minta PERDANA MENTERI

menyatakan soalan yang telah dikemukakan sebagai soalan nombor 56 pada 31 Mac 2010 tetapi tidak di jawab yang berbunyi seperti berikut “Kenapa dalam 141 kes kematian dalam tahanan polis (dari 2000-2009) hanya 20 inkuri dijalankan padahal inkues diwajibkan di bawah Seksyen 334 Kanun Acara Jenayah. Isu Magistret memutuskan tidak menjalankan inkuri untuk kematian dalam tahanan polis tidaklah timbul langsung.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak 2002 hingga 2009, sebanyak 59 kes inkues yang didaftarkan di Mahkamah. Dari jumlah ini, sebanyak 37 inkues telah diselesaikan.

Manakala, sebanyak 15 inkues masih lagi di dalam berbagai tahap pendengaran. Sebanyak 7 inkues belum dimulakan kerana fail adalah tidak lengkap dan telah dikembalikan kepada pihak pendakwaan untuk tindakan mereka selanjutnya.

Sekian. Terima kasih.

DARIPADA :	TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)	No: 44
PERTANYAAN	PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA	
TARIKH	28.06.2010	
SOALAN NO	44	

Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status perkembangan pembangunan Empangan Bakun bernilai lebih RM15 bilion dan Empangan Murum sebanyak RM3 bilion. Berapakah kos lebihan projek yang terpaksa ditanggung ekoran kelewatan kedua-dua projek yang terpaksa dihentikan beberapa kali antaranya disebabkan krisis ekonomi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, anggaran kos keseluruhan Projek Hidroelektrik Bakun adalah sebanyak RM8.0 bilion dan sehingga kini kemajuan keseluruhan projek adalah pada tahap 95%. Sehingga bulan Mei 2010, kos projek yang terlibat termasuk arahan perubahan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM7.3 bilion iaitu masih dalam lingkungan anggaran kos keseluruhan projek. Memandangkan projek tersebut dijangka beroperasi pada bulan Januari 2011, sebarang kos lebihan untuk kerja awam akan diketahui sebelum akhir tahun ini manakala untuk kerja-kerja Elektro Mekanikal akan diketahui pada akhir tahun 2011.

2. Bagi Projek Hidro Murum pula, ia dikendalikan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

NO. AUM : 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
[BATU KAWAN]

TARIKH 28 JUN 2010

RUJUKAN 2760

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kementerian menubuhkan Suruhanjaya Di-Raja untuk menyiasat kes-kes penembakan suspek-suspek pihak polis seperti remaja Aminulrasyid Amzah baru-baru ini di mana kebanyakan mangsa-mangsa ini adalah berketurunan India serta senaraikan butiran terperinci mangsa-mangsa penembakan polis sejak 10 tahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Kawan yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, setakat ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Di Raja bagi menyiasat kes-kes remaja yang ditembak oleh pihak polis seperti yang berlaku dalam kes Aminulrasyid Amzah baru-baru ini.

Tuan Yang Dipertua,

Dari tempoh tahun 2000 hingga bulan April tahun 2010, seramai 61 orang penjenayah berketurunan India telah ditembak mati oleh pihak polis kerana terlibat dalam pelbagai kes jenayah. Lingkungan umur suspek yang ditembak adalah dari 18 tahun hingga 51 tahun.

Jenis-jenis kesalahan yang dilakukan adalah seperti kesalahan di bawah Seksyen 3 Akta Senjata Api 1960; Seksyen 3 dan Seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971; Seksyen 307 Kanun Keseksaan, Seksyen 6(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN HAJI AB AZIZ BIN ABKADIR
 [KETEREH]**

TARIKH : 28 Jun 2010 (Isnin)

SOALAN

24

**TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [KETERSEWAJAHAN] Nombor: 46
MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah status cadangan projek pembinaan jalan raya baru antara Kota Bharu ke Kuala Krai dan apakah faktor yang menghalang pembinaannya bermula.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan jalan raya baru antara Kota Bharu ke Kuala Krai ini bermula dari Wakaf Siku, Kota Bharu ke Kampung Dusun Damar, Kuala Krai, Kelantan. Projek ini melibatkan pembinaan jajaran baru sepanjang 73 km. Projek pembinaan jalan ini telah pun dirancang sebagai jalan alternatif baru kepada jalan persekutuan FT 008 iaitu Jalan Kota Bharu ke Kuala Krai yang mana pada masa ini kerap mengalami kesesakan lalulintas. Projek ini nanti dijangka dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi di kawasan sekitarnya di samping dapat memendekkan masa perjalanan dan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek ini telah pun dirancang setakat kerja-kerja awalan seperti penyediaan rekabentuk dan pelan pengambilan balik tanah dalam tempoh RMKe-9. Manakala pembinaannya dijadualkan untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-10. Kementerian ini telah pun memohon kepada pihak Unit Perancang Ekonomi,

Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan pembinaannya dalam RMKe-10.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH]
TARIKH JAWAP AN DI DEWAN RAKYAT	28.06.2010 (ISNIN)
SOALAN	N0.47

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berjaya dalam pengurusan air kumbahan dan sistem sani tari di negara ini dan adakah Kerajaan bercadang untuk menamakan mana-mana PBT yang boleh dijadikan model untuk menjadi ikutan PBT- PBT lain. JAWAPAN Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil langkah untuk menswastakan perkhidmatan pembetungan yang sebelum ini diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK). Peranan IWK adalah bagi mengendali dan menyenggara sistem pembetungan awam terutamanya sistem pembetungan berpusat kecuali di negeri Sabah, Sarawak, Kelantan, kawasan operasi Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Perbadanan Pasir Gudang.

Tuan Yang Dipertua,

Pada 1 Januari 2008, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bertanggungjawab sebagai badan kawal selia pengurusan air kumbahan bagi seluruh negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak.

Sehubungan itu, PBT yang terlibat di dalam pengurusan air kumbahan hanyalah di kawasan-kawasan di luar liputan perkhidmatan IWK di negeri Sabah, Sarawak, Kelantan, kawasan operasi Majlis Bandar raya Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

No: 48

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM (PERMATANG PAUH)

PERTANYAAN LISA
N

TARIKH 28.06.2010

SOALAN NO 48

Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim (Permatang Pauh) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapa lesen perjudian sukan kepada Kumpulan Berjaya tidak boleh dibatalkan meskipun terdapat bantahan pelbagai pihak terhadap kelulusan lesen judi tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Kerajaan belum lagi mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan **bookie** di Malaysia .

2. K
erajaan juga belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat- syarat dan terma-terma pelesenan dengan Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan **bookie** di Malaysia.

3. K
erajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak terhadap cadangan perlesenan pertaruhan **bookie** di Malaysia dengan hasrat

No: 49

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan perjudian tanpa lesen di Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI
JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

ISNIN, 28 JUN 2010, 10.00 PAGI

PERTANYAAN :

**TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]**

TARIKH :

DARIPADA : Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan dalam menyuarakan isu-isu umat Islam di peringkat antarabangsa.

**SOALAN
BAGI JAWAB
LISAN**

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan Malaysia memberi tumpuan, kerjasama dan sokongan sepenuhnya dalam menyuarakan isu-isu yang melibatkan hak umat Islam di peringkat antarabangsa terutamanya di Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Malaysia mengambil bahagian secara aktif dan mengusulkan pelbagai tindakan demi memperjuangkan hak Ummah di mesyuarat-mesyuarat OIC dan pelbagai fora pelbagai hala demi menyuarakan isu-isu umat Islam di peringkat antarabangsa.
2. Malaysia turut mengambil bahagian dalam Sesi Dialog Ketamadunan (*Alliance of Civilisations*) yang membincangkan hubungan antara agama bagi memelihara dan mencari jalan dan kaedah terbaik memelihara keperadapan agama. Malaysia telah menganjurkan 3 siri Forum pada 10-11 Februari 2006, 15 - 16 Jun 2007 dan 9-10 Jun 2008 .
3. Bilamana menyentuh isu fitnah terhadap agama, Malaysia tampil menjadi pengerusi Kumpulan Kerja OIC di New York melebarkan sokongan terhadap resolusi tajaan OIC bertajuk “Memerangi Fitnah terhadap Agama-agama” yang ditentang hebat oleh negara-negara Barat.

4. Malaysia telah mengemukakan dan menyokong tindakan susulan selaras dengan 10 Tahun Pelan Tindakan OIC yang dicapai di Sidang Tergempar Ketua-Ketua Negara OIC pada 7 dan 8 Disember 2005 di Mekah, Arab Saudi. Pelan Tindakan ini merangkumi pelbagai tindakan dan hala tuju bagi mempertahankan hak Ummah dan memajukan pembangunan ekonomi negara-negara Islam.

No: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)

TARIKH PERTA NYAAN LISAN
28.06.2010

SOALAN NO 50

Datuk Chua Soon Bui (Tawau) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah dasar-dasar dan tindakan-tindakan yang diambil Kementerian dalam Model Ekonomi Baru (NEM) untuk mengurangkan jurang upahan gender sebanyak RM 1,774 sebulan pada 2007 bagi pegawai kanan/pengurus wanita (lebih rendah daripada lelaki) dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP).

JAWAP AN:

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia tidak mengamalkan dasar diskriminasi antara pekerja wanita dan lelaki. Upahan gender yang dirujuk sebanyak RM1.774 adalah berdasarkan kepada, dengan izin, *Asia-Pacific Human Development Report* yang dikeluarkan oleh *United Nations Development Programme* (UNDP). Laporan tersebut, antara lain mendapati, pada tahun 2007, wujudnya jurang upahan untuk pegawai kanan dan pengurus antara lelaki dan wanita yang melakukan tugas yang sama,dengan parasnya mencecah sehingga RM1.774 sebulan.

Berdasarkan laporan tersebut juga, ukuran kesaksamaan upah untuk tugas yang sama, iaitu nisbah wanita berbanding lelaki, menunjukkan bahawa negara kita mencatatkan 0.73 yang jauh lebih baik berbanding negara-negara maju seperti Australia pada 0.68, Jepun, 0.59 dan Korea Selatan, 0.55. Justeru, tidak terdapat

perbezaan atau diskriminasi gender yang ketara antara gaji pekerja lelaki dan wanita di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Di sektor awam, keadaan diskriminasi gender dalam penentuan kadar gaji seseorang pekerja juga tidak berbangkit. Di sektor swasta pula, penentuan gaji bagi sesuatu pekerjaan adalah dinilai berdasarkan kuasa pasaran dan bidang kerja yang diceburi. Selain itu, penawaran gaji adalah ditetapkan mengikut kaedah-kaedah seperti berikut:

- i. Majlis Penetapan Gaji (MPG);
- ii. perjanjian kolektif yang dipersetujui oleh pihak kesatuan dan majikan;
- iii. kontrak perkhidmatan;
- iv. pengalaman, kemahiran dan kelebihan individu yang dimiliki;
- v. kenaikan gaji atau bonus atau lain-lain bayaran adalah berdasarkan merit seseorang pekerja mengikut prestasi tahunan, kemahiran interpersonal antara pekerja dengan majikan, keuntungan syarikat; dan
- vi. sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti atau ***Productivity Linked Wage System (PLWS)*** yang bertujuan untuk menjamin daya saing negara di samping menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup pekerja di sektor swasta.

Di samping itu, semua pekerja dari semua peringkat turut dilindungi oleh undang-undang perburuhan tanpa sebarang diskriminasi dari segi gender di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian dan agensi yang berkaitan telah dan akan terus mengambil langkah untuk mengurangkan lagi jurang upahan gender. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, usaha telah diambil untuk meningkatkan lagi taraf wanita

bagi mencapai potensi kerjaya mereka sepenuhnya. Antaranya, adalah melalui program latihan dan kemahiran yang bersesuaian serta menyediakan galakan dan sokongan dalam memajukan kompetensi wanita.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 yang diumumkan pada 10 Jun 2010 lalu, perhatian turut diberi kepada pembangunan kerjaya dan kompetensi wanita. Kerajaan bukan sahaja akan menggalakkan penglibatan wanita dalam pasaran tenaga kerja malahan meningkatkan kualiti dengan menambah bilangan wanita dalam peringkat tertinggi dalam pentadbiran sesebuah organisasi dalam sektor awam dan swasta.

Antara program utama yang akan diberi tumpuan adalah:

- i. Meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja;
- ii. Menambah bilangan wanita dalam peringkat pembuat keputusan;
- iii. Menambah baik penyediaan sokongan kepada wanita yang menghadapi kesukaran seperti balu, ibu tunggal dan golongan berpendapatan rendah; dan
- iv. Menghapuskan semua jenis diskriminasi terhadap wanita.

Selain itu, Kerajaan telah meningkatkan usaha bagi menangani diskriminasi terhadap gender melalui Dasar Wanita Negara 2009 serta melaksanakan hasil rumusan Konvensyen Mencegah Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita atau, dengan izin, *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women* (CEDAW), *Beijing Platform for Action*, *Millenium Development Goals* (MDGs).

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan berpandukan prinsip dan inisiatif-inisiatif di atas, kerajaan yakin jurang upahan gender antara lelaki dan wanita akan dapat dikurangkan tanpa sebarang diskriminasi. Ini jelas seperti terkandung dalam Model Ekonomi Baru di bawah prinsip keterangkuman, dengan izin, ***inclusiveness*** yang melibatkan semua rakyat tanpa

mengira agama, bangsa, gender dan latar belakang.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH 28 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan berapakah kos yang ditanggung untuk membiayai pusat media setiap kali pilihanraya kecil diadakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Penerangan telah menetapkan bahawa kos bagi membiayai pusat media pada setiap pilihan raya kecil adalah tidak melebihi RM14,600.00. Kos ini adalah meliputi kemudahan logistik, sewaan peralatan, kemudahan kudapan (makan minum) dan lain-lain keperluan. Pusat media ini dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan KPKK yang melibatkan 40 orang petugas media untuk jangka masa 20 hari bergantung kepada pilihan raya kecil berkaitan.

Pada kebiasaannya, kos pusat media ini adalah kurang daripada jumlah yang ditetapkan dan perkara ini adalah selaras dengan sasaran perbelanjaan secara berhemah.

No: 52

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)

TARIKH

PERTA
NYAAN

LISAN

28.06.2010

SOALAN NO

52

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apa sebenarnya yang telah berlaku pada Sime Darby, sebuah GLC yang dilaporkan telah menanggung kerugian berlebihan disebabkan cost overrun sebanyak RM1.7 bilion dalam kontrak kerja-kerja sivil bagi projek elektrik hidro Bakun sedangkan nilai kontrak asalnya hanya sebanyak RM1.8 billion ketika ianya dikeluarkan pada tahun 2002.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berikut keputusan kewangan Bahagian Tenaga & Utiliti bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2009, Lembaga Pengarah Sime Darby pada Oktober 2009 telah mewujudkan satu Jawatankuasa Kerja untuk mengkaji semula operasi dan projek yang melibatkan kerugian iaitu Qatar Petroleum (Projek QP).

2. Seterusnya pada Februari 2010, Lembaga Pengarah Sime Darby telah mengembangkan skop Jawatankuasa Kerja tersebut untuk mengkaji semula projek-projek selain daripada Projek QP iaitu projek Maersk Oil Qatar (Projek MOQ), projek pembinaan vesel-vesel untuk digunakan dalam projek MOQ (Projek Marin) dan projek empangan hidroelektrik Bakun (Projek Bakun).

3. Penemuan-penemuan utama Jawatankuasa tersebut yang telah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

- a. projek QP telah diperolehi pada April 2006 dan dijadualkan siap pada Ogos 2008. Walau bagaimanapun, projek telah mengalami beberapa kelewatan dan lebih kos yang mengakibatkan kerugian di mana lebih kurang RM512 juta telahpun diambilkira. Bahagian Tenaga & Utiliti masih lagi dalam rangka perbincangan dengan klien projek QP bagi tuntutan kos lebihan tersebut.
- b. projek MOQ telah diperolehi pada Januari 2007 dan dijadualkan siap pada Oktober 2009. Terdapat beberapa kelewatan dan lebihan kos yang mengakibatkan kerugian sebanyak RM159 juta untuk suku ketiga tahun 2009 dan RM526 juta untuk sembilan bulan berakhir 31 Mac 2010. Jumlah kerugian projek sehingga kini ialah RM300 juta. Projek MOQ masih berjalan dan perundingan juga masih diteruskan dengan pihak klien.
- c. projek Marin membabitkan pembinaan dua buah kapal tunda dan sebuah tongkang tunda (Derrick Lay barge) untuk digunakan dalam Projek MOQ. Terdapat kelewatan dalam penyerahan tongkang tunda tersebut dan Lembaga Pengarah telah membuat peruntukan sebanyak RM155 juta iaitu jumlah yang telah dibayar sehingga kini. Pihak Pengurusan sedang mengkaji semua opsyen yang ada pada masa ini.
- d. projek empangan hidroelektrik Bakun, dalam mana Sime Engineering Sdn Bhd memegang kepentingan efektif sebanyak 35.7%, telah diperolehi pada September 2002 dan dijadualkan siap pada September 2007. Walau bagaimanapun, disebabkan beberapa faktor, tarikh siap projek tersebut telah tertangguh dan kos telah meningkat. Pihak pengurusan menganggarkan peningkatan kos sebanyak RM450 juta boleh dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan bagi keputusan

tahun kewangan 2010, dan jumlah ini telah diperuntukkan. Projek ini masih berjalan dan tarikh siap lanjutan menurut kontrak tambahan adalah Jun 2010, berdasarkan kerja-kerja tambahan dan perbincangan berterusan dengan klien. Tarikh siap yang baru masih dalam perbincangan. Projek ini kini berada pada tahap 96% siap secara fizikal.

4. L

embaga Pengarah Sime Darby pada 13 Mei 2010 telah mengumumkan penemuan-penemuan utama Jawatankuasa Kerja seperti di atas dan anggaran impak negatif sebanyak RM964 juta dalam keputusan Kumpulan untuk separuh kedua tahun kewangan 2010. Jumlah keseluruhan kerugian berjumlah RM1,724 juta yang telah diperuntukkan untuk keempat-empat projek tersebut dari permulaan setiap projek sehingga suku ketiga tahun kewangan 2010 (suku ketiga berakhir 31 Mac 2010) adalah seperti berikut:

- a) RM689 juta untuk projek Qatar Petroleum (QP);
- b) RM300 juta untuk projek Maersk Oil Qatar (MOQ);
- c) RM155 juta untuk projek Marin; dan
- d) RM580 juta untuk projek Bakun.

5. Sime Darby pada 27 Mei 2010 telah mengumumkan fasa kedua kajian semula ke atas Bahagian Tenaga & Utiliti dengan penilaian secara menyeluruh struktur organisasi dan pelaporan Kumpulan. Kelemahan-kelemahan pengurusan, organisasi dan pelaporan telah dibangkitkan oleh Jawatankuasa Kerja dan beberapa syor telah diajukan untuk menanganinya.

6. L

embaga Pengarah telah melantik perunding-perunding untuk mengkaji struktur pelaporan dan organisasi yang dicadangkan oleh pihak Lembaga Pengarah. Pada masa yang sama, Lembaga Pengarah turut telah melantik perunding untuk menjalankan audit forensik dan sebuah firma guaman bebas untuk

melaksanakan penyiasatan susulan untuk menentukan kepertanggungjawaban (*culpability*) berdasarkan penemuan-penemuan oleh Jawatankuasa Kerja ke atas empat projek utama Bahagian Tenaga & Utiliti iaitu Projek QP, Projek MOQ, Projek Marin dan Projek empangan hidroelektrik Bakun.

No: 53

DARIPADA	PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)	
TARIKH	PERTA NYAAN	LISAN
		28.06.2010
SOALAN NO	53	

Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Bank Bumiputera ditubuhkan hasil dari Kongress Ekonomi Bumiputera dan Kerajaan telah mengeluarkan sejumlah wang bagi membantu penubuhan bank ini:

- (a) berapakah wang yang dikeluarkan. Sudahkah kesemua wang yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi penubuhan bank ini telah dikembalikan; dan
- (b) apakah sebab-sebab utama Bank Bumiputera tidak dapat berfungsi dan berapakah tanggungan terakhir sebelum bank ini bergabung.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Bumiputra Malaysia Berhad ditubuhkan oleh Kerajaan pada 1 Oktober 1965 hasil resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera. Bank tersebut memulakan operasi perniagaan perbankannya pada tahun 1966 dengan modal berbayar berjumlah RM5.0 juta.

2. Bank Bumiputra Malaysia Berhad telah diambil alih oleh Bank of Commerce (M) Berhad pada tahun 1999 pada harga perolehan RM1.46 bilion atau 0.9 kali nilai aset ketara bersih Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Modal berbayar Bank Bumiputra Malaysia Berhad pada masa tersebut adalah RM2.1 bilion manakala kerugian terkumpul adalah sebanyak RM445 juta.

NO. AUM : 45
NO.AUP : S~y-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : **TUAN MANOGARAN *A/l***
 MARIMUTHU [TELOK INTAN]
DARIPADA **28 JUN 2010**
 2761
TARIKH
RUJUKAN
LISAN

SOALAN:

**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan**

- (a) berapakah jumlah penembakan oleh pihak polis terhadap suspek/orang awam yang mati atau cedera dalam tempoh 2000 hingga 2009; dan
- (b) berapakah jumlah kematian dalam 'custody' polis dan kem-kem tahanan (detention centers) untuk tempoh 2000 hingga 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Telok Intan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), secara keseluruhannya jumlah penjenayah yang ditembak mati sepanjang tahun 2000 hingga 2009 adalah seramai 279 orang. Bagi menjawab soalan (b) pula, kes kematian dalam lokap bagi tempoh yang sama pula adalah seramai 147 orang.

NO. AUM : 46

NO. AUP : ££

DARIPADA DATO¹ HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN [PENGKALAN CHEPA]

TARIKH PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

RUJUKAN 28 JUN 2010

PERTANYAAN : LISAN
2762

SOALAN:

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah ada usaha-usaha lain yang berkesan bagi mempertingkatkan lagi prestasi dan integriti pihak keselamatan khususnya anggota Polis yang buat masa kini peranannya seringkali dipertikaikan oleh anggota masyarakat umum.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pengkalan Chepa yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, PDRM sememangnya memberikan perhatian yang serius terhadap usaha-usaha meningkatkan prestasi dan integriti anggota-anggotanya.

Dalam hal ini usaha-usaha dilaksanakan secara berterusan menerusi pelbagai program dan pendekatan. Sebagai contoh, dari aspek latihan, pihak PDRM memberi penekanan terhadap penambahbaikan modul-modul latihan sedia ada bagi meningkatkan lagi kecekapan dan prestasi anggota-anggotanya terutamanya dari segi penyiasatan, penguatkuasaan dan penggunaan senjata api. Selain latihan dalaman, PDRM juga menjalankan hubungan strategik dengan pasukan polis negara-negara lain sebagai salah satu usaha meningkatkan kecekapan anggota-anggotanya.

Tuan Yang Dipertua,

Dari segi nilai-nilai murni pula, setiap anggota diberi penekanan mengenai kepentingan mengamalkan nilai-nilai murni dan moral seperti mengekalkan integriti, mematuhi peraturan dan undang-

undang, menghormati hak asasi manusia, disiplin dan tatacara bekerja. Dalam hal ini kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti JAKIM, dan Institut Integriti Malaysia turut diadakan.

Selain itu pihak PDRM juga membuat penambahbaikan terhadap prosedur, peraturan dan undang-undang yang sedia ada bagi memastikan peraturan dan undang-undang berkenaan sesuai dengan keadaan dan keperluan semasa. Antara prosedur yang sedang diteliti ialah prosedur penggunaan senjata api.

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya tegaskan di sini bahawa setiap usaha penambahbaikan yang dibuat oleh PDRM akan mengambil kira kepentingan dan pandangan semua pihak, terutama sekali orang ramai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' DR HAJI HAY ATI BIN OTHMAN
 [PENDANG]**

TARIKH 28 JUN 2010

SOALAN

Dato' Dr Haji Hayati Bin Othman (Pendang) meminta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah ancaman terhadap gelombang

kedua H1N1 terhadap negara ini dan apakah segala peraturan yang dibuat telah memuaskan hati semua pihak dan apakah tindakan lanjut agar wabak ini tidak berulang dan kerjasama dengan WHO didalam menghadapi gelombang ini.

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia telah mengalami gelombang pertama jangkitan Influenza A(H1N1) bermula bulan Jun tahun lepas, iaitu kira-kira sebulan selepas kes import pertama dikesan pada 15 Mei 2009. Ia memuncak pada bulan Ogos 2009 dengan sejumlah 3,136 kes dilaporkan pada minggu epidemiologi ke 33/2009 (16-22 Ogos 2009). Hasil usaha gigih semua

pihak, ia berjaya dikawal dan dalam tempoh hanya empat (4) bulan sahaja, bilangan kes telah berkurangan kepada sekitar 20 - 40 kes seminggu.

Secara teknikalnya gelombang kedua dikatakan berlaku apabila bilangan kes meningkat secara mendadak ke paras menghampiri atau melebihi paras yang dicatatkan pada gelombang pertama. Keadaan ini boleh berlaku dalam keadaan berikut:-

Pertama, tiada perubahan kepada virus asal yang menyebabkan pandemik tetapi berlaku pendedahan besar-besaran orang yang rentan iaitu mereka yang belum pernah dijangkiti virus ini dan dengan itu tidak mempunyai imuniti terhadap jangkitan tersebut, seperti yang berlaku pada gelombang pertama dahulu. Memandangkan virus ini telah berada di dalam masyarakat untuk sekian lama, sudah ramai masyarakat Malaysia yang sudah terdedah kepada jangkitan virus dan mempunyai tahap imuniti terhadapnya. Jika berlaku perebakkan jangkitan sekalipun, ia tidak menyebabkan peningkatan yang mendadak dan mencapai paras seperti pada gelombang pertama, seperti apa yang kita alami dalam tempoh dua bulan yang lepas. Dengan purata bilangan kes sekitar 90 - 350 kes sahaja seminggu, ia tidaklah dianggap sebagai gelombang kedua. Oleh itu, Kementerian berpendapat risiko gelombang kedua disebabkan oleh senario ini adalah amat rendah.

Kedua, sememangnya berlaku perubahan genetik kepada virus tersebut menjadikannya rintang atau dengan izin “*resistance*” terhadap ubat antiviral yang digunakan atau lebih ganas atau dengan izin “*virulence*” yang menyebabkan jangkitan yang lebih parah. Kemungkinan berlakunya senario kedua ini memang tidak dapat nafikan kerana sudah menjadi sifat virus Influenza yang sering berubah-berubah seperti yang ditunjukkan oleh virus selsema bermusim yang memaksa kita menukar vaksin secara yang agak kerap. Ancaman keadaan seperti ini berlaku bukan sahaja terhadap Malaysia tetapi di mana-mana sahaja di dunia ini. Oleh itu, amat penting kita mengambil langkah-langkah yang betul dan melakukan pemantauan yang rapi bagi mengelak dan mengesan tanda-tanda berlaku perubahan supaya tindakan awal dan segera dapat diambil bagi membendungkannya.

Bagi mengelak senario kedua dari berlaku, kita telah memastikan dasar rawatan menggunakan ubat antiviral hanya diberikan kepada mereka yang benar-benar memerlukannya bagi mengelak berlakunya masalah kerintangan. Sebab itulah kita menekankan dalam hebahan kepada masyarakat supaya datang membuat pemeriksaan perubatan apabila sakit supaya penentuan dapat dibuat jenis-jenis rawatan yang harus diberi. Bagi memantau perubahan kepada virus itu pula, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) secara berterusan menjalan kajian perubahan genetik bagi mengesan kemungkinan berlaku perubahan terhadap kerintangan

terhadap rawatan dan “virulence”. Sehingga hari ini, masih belum terdapat sebarang perubahan yang dikesan pada isolat-isolat virus yang dikaji. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemantauan yang dilakukan oleh IMR merupakan sebahagian daripada rangkaian pemantauan global yang diselaraskan oleh WHO di mana maklumat-maklumat yang diperolehi dikongsi bersama.

Selain daripada tindakan tersebut di atas, Kementerian juga terus menjalani pemantauan terhadap kejadian-kejadian, dengan izin, *Influenza-like Illness (ILI)*. Sejumlah 509 buah klinik kerajaan dan swasta seluruh negara dipilih sebagai pusat sentinel bagi memaklumkan kepada Bilik Gerakan Kementerian Kesihatan setiap hari, akan kedatangan pesakit-pesakit dengan gejala ILI. Siasatan segera akan dilakukan jika kedatangan pesakit dengan gejala ILI ini melebihi 10% dari kedatangan pesakit luar. Begitu, juga Kementerian Kesihatan memantau kemasukkan kes-kes, dengan izin, “severe acute respiratory infection (sARI)” ke hospital setiap hari dan setakat ini tiada yang melebihi tahap “threshold” 10% kemasukkan ke hospital yang ditetap.

Langkah-langkah pengawasan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan yang disebut di atas serta tindakan-tindakan pencegahan dan kawalan yang diambil telah diakui oleh pakar-pakar perunding WHO yang telah datang menilai dan berbincang dengan pakar-pakar tempatan. Malah Ketua Pengarah WHO sendiri, Dr Margaret Chan telah memuji langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia dalam menanggani pandemik influenza yang ternyata berkesan, semasa

lawatan beliau ke Malaysia pada bulan November 2009.

Namun begitu, saya ingin menegaskan bahawa masyarakat juga turut mempunyai peranan yang amat penting dalam memastikan gelombang

kedua ini tidak berlaku. Sikap mengamalkan kebersihan diri dan etika batuk yang betul, segera mendapat rawatan dan mengasingkan diri dan tidak ke tempat tumpuan awam jika mengalami gejala ILI hendaklah terus diamalkan pada bila-bila masa. Langkah-langkah tersebut telah terbukti berkesan ketika kita berhadapan dengan gelombang pertama. Jika semua orang mengamalkan semua ini, penularan virus sudah pasti akan dapat diputuskan dan tidak akan memberi peluang kepada virus untuk berubah dan menyebabkan gelombang kedua.

SOALAN NO: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA : **TUAN ER TECK HWA**
 [BAKRI]

TARIKH **28 JUN 2010 (ISNIN)**

SOALAN :

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) bilangan peruntukan khas dari Kementerian-kementerian yang disalurkan kepada Ahli Parlimen Kawasan Bakri sejak tahun 2008; dan
- (b) adakah kesemua peruntukan khas tersebut dimandatkan kepada pucuk

pimpinan BN tempatan jikalau kawasan itu dimenanggoleh pembangkang dan apakah kerelevan berpandukan kepada konsep kepartian tetapi bukan berpandukan kepada Perlembagaan.

JAWAPAN:

Tiada peruntukan khas disalurkan oleh mana-mana kementerian kepada Ahli Parlimen Bakri.

Seperti mana yang telah dimaklumkan kepada dewan yang mulia, kerajaan tidak pernah menyalurkan Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri kepada pucuk pimpinan BN tempatan atau pada mana-mana parti politik. Peruntukan ini disediakan untuk kawasan Parlimen dan ianya dipohon dan diproses serta dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan Arahan Perbendaharaan dan Iain-lain peraturan yang berkuatkuasa yang telah ditetapkan bagi kepentingan rakyat.

NO SOALAN :
58

PEMBERITAHU
PERTANYAAN

DEWAN PE LISAN
RAKYAT RT
DARIPADA AN
YA
TARIKH AN

Y.B TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)

28.06.2010
(ISNIN)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah usaha untuk mempertingkatkan silibus dan kurikulum di Pusat Latihan Khidmat Negara bagi melahirkan belia yang lebih berdisiplin dan bersahsiah tinggi dan apakah rancangan untuk remaja yang tidak terpilih supaya masa terbuang mereka tidak dibazir di samping mendapat faedah mirip PKLN.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Silibus dan kurikulum PLKN mengandungi empat modul teras iaitu Modul Fizikal, Modul Pembinaan Karakter, Modul Kenegaraan dan Modul Khidmat Komuniti yang diputuskan oleh Jemaah Menteri sejak awal pelaksanaannya. Namun begitu, Kementerian sentiasa memastikan modul dan kurikulum yang dilaksanakan sentiasa dinamik dan mengikut perubahan sosioekonomi serta sosiobudaya. Penambahbaikan melalui kerjasama yang berterusan dengan agensi-agensi kerajaan dan universiti tempatan telah menghasilkan program-program baru yang berkesan.

Setelah enam tahun perlaksanaannya, Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) telah pun melaksanakan bengkel kajian semula modul yang disertai oleh para cendekiawan dari pelbagai agensi kerajaan,

badan bukan kerajaan dan universiti tempatan. Tindakan susulan keputusan bengkel tersebut sedang diambil oleh JLKN.

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini Kerajaan hanya berupaya untuk melatih seramai 120,000 orang berbanding jumlah yang layak mengikut tahun kelahiran lebih kurang berjumlah 508,574 orang disebabkankekangan kewangan. Kerajaan yakin bilangan bekas-bekas pelatih sekitar 25% daripada jumlah remaja berkenaan boleh menjadi pemangkin kepada remaja lain yang tidak berkesempatan mengikuti PLKN. Walau bagaimana pun, remaja yang tidak terpilih mengikuti PLKN boleh mengikuti Program Jatidiri Kesukarelaan Nasional di bawah kelolaan Kementerian Belia dan Sukan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 28 JUN 2010

SOALAN:

Tuan Chow Kon Yeow minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia akan diarahkan untuk mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan sekiranya ada kerajaan negeri menggubal enakmen negeri untuk pilihan raya

kerajaan tempatan sejajar dengan Perkara 113(4) Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN: Y. B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fasal (4) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang persekutuan atau negeri boleh memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menjalankan pilihan raya selain pilihan raya yang disebut dalam Fasal (1) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan Fasal (4) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, SPR boleh menjalankan pilihan raya selain pilihan raya yang disebut dalam Fasal (1) sekiranya diberi kuasa oleh undang-undang persekutuan atau negeri.

Undang-undang persekutuan yang berkaitan dengan pilihan raya kerajaan tempatan ialah Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960 [Akta 473]. Bahagian V Akta 473 mempunyai peruntukan

mengenai kuasa SPR untuk menyelia pilihan raya ~~bagi melantik~~
Anggota Majlis sesuatu pihak berkuasa tempatan. Walau
bagaimanapun, semua peruntukan berhubung dengan pilihan raya
kerajaan tempatan dalam
Akta 473 telah dimansuhkan dan dihentikan kuat kuasanya atau
terhenti mempunyai kesan oleh subseksyen 15(1) Akta Kerajaan
Tempatan 1976 [Akta 171].

Dengan termansuh dan terhentinya kuat kuasa dan kesan bagi apa-
apa peruntukan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan
di bawah Akta 473, seksyen 10 Akta 171 pula menghendaki
keanggotaan sesuatu Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
dibuat secara pelantikan (*by appointment*).

Jika mana-mana Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan
semula pilihan raya PBT, suatu keputusan dasar hendaklah dibuat
terlebih dahulu bagi menentukan sama ada pilihan raya kerajaan
tempatan hendak diadakan semula atau sebaliknya.

Perkara yang berkaitan dengan kerajaan tempatan (termasuklah

pilihan raya kerajaan tempatan) kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya diperuntukkan dalam Butiran 4, Senarai II - Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu, apa-apa perkara berhubung dengan kerajaan tempatan termasuklah pilihan raya kerajaan tempatan adalah merupakan perkara di bawah bidang kuasa Negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, bidang kuasa bagi mana-mana Negeri yang berkenaan adalah tertakluk kepada Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) (*National Council for Local Government*) yang ditubuhkan mengikut Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan kepada Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan, walaupun kerajaan tempatan terletak di bawah bidang kuasa Negeri masing-masing, apa-apa perkara yang melibatkan perubahan dasar dan perundangan mengenainya adalah tertakluk kepada kelulusan MNKT.
Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 65

NO. AUP : 00

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : TUAN KHALID BIN ABDUL SAM
AD [SHAH ALAM]

DARIPADA 28 JUN 2010

2763

TARIKH

**RUJUKAN
LISAN**

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan terhadap kes Aminul Rashid dan kes-kes yang ada persamaan dengannya seperti yang melibatkan Norizan Salleh.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak polis telah selesai menjalankan siasatan berhubung kes Aminulrashid. Suspek telah dituduh di bawah Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan dan sedang dibicarakan di Mahkamah.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung kes Norizan Salleh, kes tersebut telah disiasat di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan dan kertas siasatan telahpun dikemukakan kepada pihak Timbalan Pendakwaraya Kuala Lumpur. Setelah meneliti keterangan kes, Ketua Unit Pendakwaan mendapati pihak polis mempunyai justifikasi untuk melepaskan tembakan dan memutuskan tiada pertuduhan terhadap mana-mana anggota polis.

Soalan No. hJ

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA
BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB

TARIKH : 28 JUN 2010

SOALAN :

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah dalil dan nas syara' yang diguna pakai terhadap larangan politik di masjid-masjid dan apakah pengertian dan definisi politik yang diguna pakai Kerajaan. Apakah politik bukan daripada ajaran Islam.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha memastikan kesucian institusi masjid di negara ini terpelihara dan tidak dicemari dengan unsur-unsur negatif yang boleh menyebabkan timbulnya salah faham masyarakat terhadap peranan masjid yang sebenarnya, sehingga masjid dianggap sebagai sebuah institusi yang lemah dan semakin hilang arah tujunya.

Sesuai dengan status masjid sebagai lambang keagungan dan syiar Islam di negara ini, dan selaras dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan (Perkara 3) yang memperuntukkan agama Islam adalah agama bagi Persekutuan, sebarang bentuk penyalahgunaan masjid adalah dilarang, lebih-lebih lagi jika ia digunakan bagi tujuan meraih keuntungan peribadi dan bersifat politik kepartian semata-mata. Amalan menjadikan masjid sebagai gelanggang berpolitik dan menegakkan pandangan mengikut prinsip kepartian tidak sesuai dipraktikkan kerana ia boleh membawa kepada perpecahan ummah, fitnah-menfitnah, membuka aib seseorang dan sebagainya yang dilarang keras oleh Islam dan bercanggah dengan tuntutan syarak.

Di samping peranan utama masjid sebagai tempat untuk menunaikan ibadah khusus ke arah meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada

Allah SWT, sewajarnya umat Islam menjadikan masjid sebagai tempat untuk mengeratkan persaudaraan, selaras dengan peranannya sebagai pusat kegiatan dan aktiviti setempat sama ada dari aspek kemasyarakatan, pendidikan, ekonomi, budaya dan sebagainya. Oleh yang demikian, kesucian institusi masjid dapat dipastikan terus terpelihara, unggul dan dinamik.

Sekian, terima kasih.